



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

---

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN MENGUKUHKAN PERPADUAN KOMUNITI LEMBAH PANTAI**

**KUALA LUMPUR, 13 Februari 2016** – Kenduri 1Wilayah Persekutuan (1WP) Peringkat Parlimen Lembah Pantai yang diadakan di kawasan Perpustakaan 1Wilayah Persekutuan, Pantai Dalam, KL dihadiri oleh lebih 3000 orang warga Lembah Pantai, Kuala Lumpur. Program ini disempurnakan oleh YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan.

2. Program ini bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara komuniti khususnya di Lembah Pantai selain dapat bekerjasama dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan seperti aktiviti gotong-royong kebersihan. Selain itu, menerusi Kenduri 1WP ini juga turut menjadi medium bagi memperkukuhkan persefahaman, perpaduan dan ukhuwah sesama warga Wilayah Persekutuan khususnya bagi komuniti Parlimen Lembah Pantai, Kuala Lumpur.

3. Pemilihan lokasi Kenduri 1WP di tengah-tengah kawasan perumahan dan bersebelahan dengan padang adalah sangat strategik. Ini kerana penggunaan Perpustakaan 1Wilayah Persekutuan dapat diperluaskan lagi seperti penganjuran pertandingan melukis dan mewarna kanak-kanak di samping ibu bapa menyiapkan juadah makanan secara gotong-royong. Pelbagai aktiviti lain turut dijalankan sepanjang program berlangsung seperti pertunjukan khas dari anggota bomba, persembahan angklung, pertandingan pengat, permainan kanak-kanak dan gerai pameran informasi. Melalui konsep gotong-royong yang diterapkan dalam program Kenduri 1WP ini, warga

Wilayah Persekutuan berpeluang untuk merasai kemeriahan suasana kenduri sambil menjamu selera dengan juadah yang dimasak sendiri secara beramai-ramai. Melalui konsep gotong-royong ini juga akan dapat memeriahkan dan menceriakan lagi warga kota khususnya di Lembah Pantai. Dengan amalan ini, ianya bukan sahaja dapat menjimatkan kos dan masa tetapi mengeratkan perpaduan sesama masyarakat setempat.

4. Bersempena dengan program Kenduri 1Wilayah Persekutuan turut diadakan aktiviti Gotong-Royong Kebersihan dan Cegah Denggi bersama komuniti Lembah Pantai bertujuan membangkitkan kesedaran masyarakat akan bahaya ancaman penyakit demam denggi yang disebabkan oleh nyamuk aedes. Longkang-longkang di sekitar kawasan Bazaria Pantai Dalam dibersihkan dan dicuci bagi menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes dengan kerjasama pihak DBKL yang telah melakukan semburan asap bagi menghapuskan nyamuk-nyamuk ini.

5. Diharapkan melalui program yang bermanfaat ini, warga Wilayah Persekutuan khususnya warga Lembah Pantai, Kuala Lumpur dapat mengukuhkan hubungan akrab, meningkatkan semangat kebersamaan dan kekitaan antara satu sama lain bagi membentuk masyarakat sejahtera dan ceria. Selain itu program ini juga dapat menyuntik semangat sayang dan rasa cinta kepada Wilayah Persekutuan dalam usaha memastikan keharmonian serta perpaduan warga Wilayah terus dikekalkan bagi kebaikan dan kesejahteraan bersama.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur  
13 Februari 2016